



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN
SEKOLAH ANGKAT MADANI (SAM)**

**22 NOVEMBER 2025 | SABTU
SEKOLAH KEBANGSAAN LIMBONGAN, MELAKA**



1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini sempena Majlis Penyerahan Sekolah Angkat MADANI Jabatan Pertanian.

Sidang hadirin sekalian,

2. Seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri melalui Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA), Program Sekolah Angkat MADANI merupakan inisiatif *Whole of Government* yang digerakkan untuk memperkukuh pembangunan sosial, sahsiah, nilai dan kesejahteraan pelajar di sekolah-sekolah seluruh negara. Di bawah pelaksanaan ARPA, sebanyak 200 Sekolah Angkat MADANI telah dikenal pasti untuk menerima peruntukan 100,000 ringgit bagi setiap sekolah, melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.
3. Sebagai salah satu agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Jabatan Pertanian berbangga kerana turut serta menyumbang kepada usaha besar ini. Inisiatif ini selaras dengan teras “Empati” dan “Kolaborasi” dalam ARPA, di mana perkhidmatan awam berganding bahu dengan komuniti untuk mencapai impak sosial yang lebih meluas. Dalam hal ini Jabatan Pertanian telah dipertanggungjawabkan untuk menyantuni dua (2) buah sekolah, iaitu Sekolah Kebangsaan Limbongan dan Sekolah Kebangsaan Tengker 2.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Kejayaan pelaksanaan program ini mencerminkan komitmen Jabatan terhadap nilai “Prestasi” dalam ARPA, iaitu menyampaikan projek berkualiti tinggi mengikut jadual yang ditetapkan.
5. Untuk Sekolah Kebangsaan Tengkeri 2, projek telah berjaya disiapkan pada 2 November 2025, merangkumi:
 - i. Naik taraf tapak perhimpunan melalui pemasangan jubin lantai;
 - ii. Penggantian tingkap *naco* kepada tingkap *casement*; dan
 - iii. Naik taraf dewan terbuka sekolah.

Kerja-kerja ini dilaksanakan dengan jumlah peruntukan 89,900 ringgit, manakala baki 10,100 ringgit sedang dimuktamadkan bagi perolehan kerusi baharu sekolah.

6. Seterusnya, bagi Sekolah Kebangsaan Limbongan, turut siap pada tarikh yang sama, projek yang dilaksanakan melalui peruntukan 100,000 ringgit meliputi:
 - i. Pembinaan bumbung '*drop-off*' bagi memastikan keselamatan pelajar terjamin, terutamanya ketika cuaca hujan;
 - ii. Pemasangan penutup longkang, papan tanda baharu, dan pembinaan tempat letak basikal yang lebih teratur; dan
 - iii. Menaik taraf gazebo serta penstrukturan semula dewan terbuka sekolah.

7. Segala penambahbaikan infrastruktur ini adalah usaha kita untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif, selamat dan selesa buat anak-anak yang merupakan pewaris masa depan negara.

Hadirin yang dihormati,

8. Jabatan Pertanian sentiasa mendukung prinsip bahawa pendidikan adalah pelaburan terpenting negara. Program ini bukan hanya terhenti pada pembangunan fizikal. Ia adalah permulaan kepada kerjasama jangka panjang antara jabatan dan komuniti sekolah.
9. Justeru, kami berharap dapat meneroka program *outreach* secara berterusan, termasuk aktiviti berkaitan pertanian bandar, kesedaran pemakanan serta program pembangunan sahsiah pelajar. Pendekatan ini adalah selari dengan nilai “Inovasi” dan “Kolaborasi” dalam ARPA, iaitu memastikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Pertanian memberi impak yang kreatif dan berkesinambungan kepada masyarakat.
10. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kewangan selaku agensi peneraju, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri sebagai agensi pemantau, pihak sekolah, kontraktor dan Jabatan Pertanian

Negeri Melaka yang telah memberi komitmen penuh dalam menjayakan projek Sekolah Angkat MADANI ini.

11. Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan akademik dan kesejahteraan murid, serta memberi manfaat yang berterusan kepada komuniti setempat
12. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penyerahan Sekolah Angkat MADANI Jabatan Pertanian.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.